

| <b>SYARAT-SYARAT AM PENGGUNAAN<br/>TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, JABATAN LANDSKAP NEGARA</b>  |  |
|--|--|
| 1.   | Mendapat kelulusan daripada Jabatan Landskap Negara sebelum sesuatu program/aktiviti hendak dijalankan dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.   |
| 2.   | Dilarang memasang sepanduk/ paparan sementara/ banner dan lain-lain jenis iklan kecuali setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Landskap Negara.   |
| 3.   | <b>Penggunaan kanopi beratap “zink” adalah DILARANG sama sekali. Penggunaan kanopi hanya dari jenis kanvas sahaja dan dibenarkan hanya di kawasan Premix/Hard Standing Surface.</b>  |
| 4.   | Membersihkan segala sampah-sarap di kawasan tapak program/aktiviti sebaik sahaja selesai segala program/aktiviti yang dijalankan.  |
| 5.   | Tidak merosakkan dan mencacatkan struktur sediada di kawasan yang digunakan termasuk semua binaan yang terdapat di dalam kawasan taman.  |
| 6.   | Dilarang meletakkan kenderaan di kawasan rumput, padang, tepi jalan, laluan siarkaki dan garisan kuning. Semua kenderaan perlu diletakkan di Tempat Letak Kereta yang disediakan sahaja. Tindakan kompaun akan dikenakan kepada yang gagal mematuhi arahan.  |
| 7.   | Dilarang mengadakan pertunjukan pentas/hiburan/promosi tanpa mendapat kebenaran dari Jabatan Landskap Negara terlebih dahulu.  |
| 8.   | Dilarang memetik bunga-bungaan dan sebarang tanaman yang terdapat di dalam kawasan taman.  |
| 9.   | Dilarang sama sekali untuk menggunakan tasik/kolam dan kawasan pancuran air sebagai tempat membasuh, membuat sampah, mandi dan sebagainya.   |
| 10.  | Dilarang sama sekali untuk membawa, menghidang dan makan makanan <b>TIDAK HALAL</b> atau minuman keras ke dalam kawasan taman ini.   |
| 11.  | Sekiranya berlaku pertindihan tarikh program/aktiviti rasmi <b>KERAJAAN/ JABATAN LANDSKAP NEGARA</b> dengan tarikh program/aktiviti pemohon, maka pilihan akan diberikan untuk pihak pemohon menunda ke tarikh dan tempat lain yang bersesuaian.   |
| 12.  | Setelah mendapat kebenaran dari pihak Jabatan, pemohon perlu memaklumkan aktiviti yang ingin dijalankan kepada <b>Balai Polis Taman Tun Dr.Ismail</b> dan berurusan dengan pihak yang berkaitan seperti <b>DBKL</b> atau <b>RELA</b> untuk melancarkan urusan trafik laluan yang terlibat. (Jika Berkenaan)  |
| 13.  | Setiap permohonan perlu mendapatkan permit dari Pihak Berkuasa yang berkaitan untuk setiap aktiviti/program yang dijalankan. Salinan Permit perlu diserahkan ke jabatan sebelum aktiviti/program dijalankan.   |
| <b>SYARAT-SYARAT KHAS PENGGUNAAN<br/>TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA,JABATAN LANDSKAP NEGARA</b> |  |
| 1.   | Kenderaan (Motosikal/Lori/Kereta) tidak dibenarkan masuk kerana akan mengganggu pengguna taman yang lain. Kenderaan hanya dibenarkan masuk untuk “LOADING” peralatan/perkakas sahaja. <b>KECUALI</b> kenderaan yang diberi kebenaran iaitu:-<br>a) Kereta/Van/Pacuan 4 Roda/MPV/Motosikal – No. Plat: .....<br>b) Kereta/Van/Pacuan 4 Roda/MPV/Motosikal – No. Plat: ..... |
| 2.   | Program/Aktiviti yang dijalankan tidak berunsurkan politik dan tidak melanggar peraturan negara.   |
| 3.   | Program/Aktiviti yang dijalankan tidak mengganggu keselesaan pengunjung dan pengguna taman.  |
| 4.   | Program/Aktiviti yang dijalankan tidak menyentuh sensitiviti sesuatu kaum.   |
| 5.   | Kemudahan bekalan elektrik tidak disediakan untuk sebarang program/aktiviti. Pemohon perlu membawa peralatan yang berkaitan seperti “Generator” dan memastikan ia selamat untuk pengunjung taman.  |
| 6.   | Jabatan tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan dan kerosakan yang berlaku. Pemohon adalah bertanggungjawab ke atas segala keselamatan, kebersihan dan sentiasa memastikan tiada kacau ganggu.   |
| 7.   | Jabatan boleh membatalkan kebenaran tersebut pada bila-bila masa sekiranya terdapat perlanggaran pada syarat-syarat yang diberikan serta aduan dari pengunjung.  |
| 8.   | Pemohon diminta untuk menyerahkan satu salinan laporan ringkas mengenai aktiviti yang dijalankan serta gambarfoto (dalam bentuk softcopy) untuk rujukan pihak jabatan. Emelkan ke alamat: <a href="mailto:ask.tpbk.jln@gmail.com">ask.tpbk.jln@gmail.com</a> .   |
| 9.   | <b>Pemohon diminta untuk memasukkan kenyataan lokasi tapak iaitu “TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA” beserta logo dan nama JABATAN LANDSKAP NEGARA pada banner/iklan.</b>  |
| 10.  | Kegagalan pemohon untuk mematuhi arahan dan syarat-syarat akan menyebabkan permohonan pada masa akan datang tidak dipertimbangkan.   |